



**JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN  
MALAYSIA (MAQIS)**

**GARIS PANDUAN BAGI  
PENGIMPORTAN ANJING BAKA TERHAD**

**KANDUNGAN**

<b>BIL.</b>	<b>BUTIRAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.	Pendahuluan	1
2.	Tujuan	1
3.	Tafsiran	1 - 2
4.	Carta alir garis panduan bagi pengimportan anjing baka terhad	3
5.	Keterangan garis panduan bagi pengimportan anjing baka terhad	4 - 9
5.	Senarai semak bagi permohonan pengimportan anjing baka terhad	10
6.	Contoh dokumen	11 - 12

Garis panduan bagi pengimportan anjing baka terhad ini boleh berubah dari semasa ke semasa tertakluk kepada arahan Ketua Pengarah selaras dengan Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].



(SHAMSUL AKBAR BIN SULAIMAN)

Ketua Pengarah Kuarantin dan Pemeriksaan

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)

Tarikh: 17.07.2023

## 1. PENDAHULUAN

- 1.1. Garis panduan bagi pengimportan anjing baka terhad ini adalah penting bagi memastikan aktiviti pengimportan anjing baka terhad dapat dilaksanakan mengikut tatacara yang telah ditetapkan.
- 1.2. Garis panduan bagi pengimportan anjing baka terhad ini dikeluarkan untuk memberikan garis panduan kepada pemohon yang terlibat dengan aktiviti import yang meliputi langkah-langkah dan tindakan yang perlu diambil sebelum, semasa dan selepas tempoh kuarantin.
- 1.3. Garis panduan bagi pengimportan anjing baka terhad ini juga menerangkan proses kerja yang lebih teratur bermula daripada sebelum kemasukan konsainan sehingga selepas tempoh kuarantin sesuatu konsainan itu tamat.

## 2. TUJUAN

Garis panduan bagi pengimportan anjing baka terhad ini bertujuan memberikan panduan kepada pemohon untuk menjalankan aktiviti import dan eksport yang tertakluk di bawah Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728]

## 3. TAFSIRAN

**Pegawai Penguin Kuasa MAQIS** - Ertinya seseorang Pegawai Penguin Kuasa MAQIS yang dilantik di bawah Seksyen 5 atau 6, Akta 728;

**Pintu Masuk** - Ertinya mana-mana pintu masuk atau pintu keluar sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, Akta 728;

**Stesen Kuarantin** - Ertinya premis, sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728], untuk mengkuarantin apa-apa binatang, burung atau dagangan;

**Borang K1** - Bermaksud Borang Isytihar Import (K1) yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia;

**Sijil Kesihatan Veterinar (SKV)** - Bermaksud satu perakuan kesihatan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa veterinar negara pengeksport;

**Airway Bill (AWB)** - Adalah dokumen yang mengiringi barang-barang yang dihantar oleh kurier antarabangsa untuk memberi maklumat terperinci dan daya jejak perjalanan;

**Borang MK1** - Borang tempahan kemudahan kuarantin;

**Borang MK9** - Bil caj bayaran kuarantin stesen kuarantin / premis kuarantin;

**Borang MK10** - Sijil kuarantin (pelepasan haiwan daripada kuarantin di Stesen Kuarantin / Premis Kuarantin);

**Permit** - Permit yang dikeluarkan di bawah subseksyen 12(4) Akta 728;

**Pemunya** - Berkenaan dengan barang-barang termasuklah penerima konsainan, pemberi konsainan, pengimport, pengeksport, dan ejen atau seseorang yang memiliki, atau mempunyai apa-apa kawalan ke atas, atau kuasa melupuskan apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan;


**Baka Terhad** - Baka anjing yang kemasukan ke dalam negara memerlukan kelulusan khas dari MAQIS bagi tujuan sekuriti; dan

**Premis** - Kawasan seperti rumah, bilik lokasi yang bersesuaian yang di mohon bagi tujuan pengasingan haiwan.

#### 4. CARTA ALIR GARIS PANDUAN BAGI PENGIMPORTAN ANJING BAKA TERHAD


**Sebelum Ketibaan**

Melengkapkan semula dokumen permohonan



**Semasa Ketibaan**


Tindakan Penguatkuasaan di bawah Akta 728 (Rujuk SOP Penguatkuasaan)



Pemerhatian dan pelepasan di pintu masuk (negara yang dikecualikan syarat kuarantin)



**Selepas Ketibaan**



## KETERANGAN CARTA ALIR GARIS PANDUAN BAGI PENGIMPORTAN ANJING BAKA TERHAD

**Permohonan Kepada  
Pihak MAQIS**

Bagi kemasukan anjing baka terhad, pemohon perlu mendapatkan kelulusan dari Ketua Pengarah MAQIS terlebih dahulu. Menghantar surat permohonan rasmi bersama dokumen berkaitan secara bertulis ke Bahagian Kuarantin, Ibu Pejabat MAQIS melalui e-mel [bq@maqis.gov.my](mailto:bq@maqis.gov.my). Surat permohonan dihantar sekurang-kurangnya 14 hari sebelum pengimportan berlaku.

Pemohon perlu memberikan dokumen seperti berikut:-

- 1) Surat permohonan kepada Ketua Pengarah MAQIS
  - Mengandungi maklumat seperti alamat premis yang dipohon.
  - Butiran haiwan tersebut seperti baka, umur, jantina, nombor mikrocip serta maklumat yang berkaitan.
- 2) Maklumat lengkap pemilik haiwan
  - Salinan kad pengenalan atau *passport* pemilik haiwan (hadapan dan belakang).
- 3) Maklumat berkaitan haiwan yang perlu dikemukakan
  - Buku *passport* haiwan (nombor mikrocip, tarikh lahir, jantina, baka).
  - Buku vaksinasi / sijil vaksinasi / *pet passport* / vaksin anti rabies / *core vaccine* bewarna adalah wajib.
  - Salinan sijil *pedigree* anjing tersebut.
- 4) Bil utiliti
  - Bil elektrik / bil air (premis pemilik haiwan).
- 5) Salinan surat perjanjian sewaan / pajakan premis / perlu disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah (jika menyewa).
- 6) Gambar haiwan (*full body*)
- 7) Jenis rumah
  - Rumah bertanah (*landed house*)
- 8) Gambar kandang mengikut spesifikasi jabatan
  - Pemohon dikehendaki menghantar gambar kandang untuk pengisytiharaan premis kuarantin. Gambar yang diberikan mestilah jelas dan terang mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh Jabatan. Berikut adalah spesifikasi yang telah ditetapkan oleh Jabatan seperti:-

	<p><b>Kelulusan lantai minima</b> mengikut ketinggian anjing dewasa (cm<sup>2</sup>)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kurang dari 40 cm (15 000 cm<sup>2</sup>)</li> <li>- 40-70 cm (24 000 cm<sup>2</sup>)</li> <li>- Lebih 70 cm (35 000 cm<sup>2</sup>)</li> </ul> <p><b>Lebar minima (cm)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- 90 cm</li> </ul> <p><b>Ketinggian minima (cm)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- 180 cm</li> </ul>
	Maklumat yang diberikan mestilah jelas dan terang agar permohonan dapat diproses agar memastikan tiada sebarang pemalsuan pada mana-mana dokumen yang diberikan.
<b>Semakan Dokumen</b>	Permohonan yang dihantar lengkap akan disemak oleh Bahagian Kuarantin, Ibu Pejabat MAQIS bagi proses seterusnya.
<b>Permohonan Lengkap</b>	Bagi permohonan yang lengkap, pemeriksaan akan dijalankan terhadap premis yang dimohon.
<b>Permohonan Tidak Lengkap</b>	Bahagian Kuarantin, Ibu Pejabat MAQIS akan memaklumkan kepada pemohon melalui e-mel atau panggilan telefon. Jika tiada sebarang maklumbalas, pemohon perlu menghubungi Bahagian Kuarantin, Ibu Pejabat di talian <b>03-8870 8000</b> atau e-mel <a href="mailto:bq@maqis.gov.my">bq@maqis.gov.my</a> bagi menyemak status permohonan.
<b>Pemeriksaan Premis Pemohon</b>	Pemeriksaan premis akan dijalankan setelah permohonan yang dihantar lengkap dalam tempoh 5 hari waktu bekerja. Pegawai Penguat Kuasa MAQIS akan menghubungi pemohon bagi tujuan pemeriksaan premis yang akan dijalankan. Semasa pemeriksaan dijalankan pemohon perlu ada bersama bagi menandatangani borang pemeriksaan.
<b>Surat Kelulusan Oleh Pihak MAQIS</b>	Bagi permohonan yang patuh sewaktu pemeriksaan dijalankan, surat kelulusan akan dikeluarkan oleh pihak MAQIS dalam tempoh 5 hari waktu bekerja selepas mendapat kelulusan daripada Ketua Pengarah MAQIS. Bagi permohonan yang tidak patuh, pemohon boleh membuat permohonan semula kepada pihak MAQIS.

<b>Pendaftaran Sistem SPEED dan Permohonan Permit</b>	Pendaftaran SPEED boleh dilakukan secara dalam talian di <a href="https://imaqis.maqis.gov.my/">https://imaqis.maqis.gov.my/</a> . Permohonan permit import dilakukan secara dalam talian di <a href="https://newepermit.dagangnet.com.my/">https://newepermit.dagangnet.com.my/</a> . Sebarang pertanyaan berkaitan permohonan permit boleh berhubung dengan Bahagian Import Eksport dan Data di talian 03-8870 8000 atau e-mel di <a href="mailto:feedback@maqis.gov.my">feedback@maqis.gov.my</a>										
<b>Tempahan Ruang Kuarantin</b>	<p>Tempahan ruang kuarantin boleh dilakukan di Stesen Kuarantin KLIA atau Stesen Kuarantin Batu Maung. Semasa melakukan tempahan, pemohon hendaklah mengemukakan surat kelulusan Ketua Pengarah MAQIS.</p> <p>a) Pemohon perlu memilih tarikh pengimportan dan menempah ruang kuarantin sebelum pengimportan anjing baka terhad.</p> <p>b) Menempah ruang kuarantin secara manual dan menghubungi Stesen Kuarantin untuk bertanya berkenaan kekosongan ruang kuarantin pada tarikh tersebut. Tempahan perlu dibuat 7 hari sebelum tarikh kemasukan.</p> <p>c) Menghubungi pihak Stesen Kuarantin MAQIS seperti berikut :-</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Stesen</th><th>No.Telefon</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Stesen Kuarantin KLIA</td><td>03 - 8787 2377 / 2379</td></tr> <tr> <td>Stesen Kuarantin Batu Maung</td><td>04 - 645 1292 / 1296</td></tr> <tr> <td>Stesen Kuarantin Padang Besar</td><td>04 - 949 0230</td></tr> <tr> <td>Stesen Kuarantin Rantau Panjang</td><td>09 - 795 0424</td></tr> </tbody> </table>	Stesen	No.Telefon	Stesen Kuarantin KLIA	03 - 8787 2377 / 2379	Stesen Kuarantin Batu Maung	04 - 645 1292 / 1296	Stesen Kuarantin Padang Besar	04 - 949 0230	Stesen Kuarantin Rantau Panjang	09 - 795 0424
Stesen	No.Telefon										
Stesen Kuarantin KLIA	03 - 8787 2377 / 2379										
Stesen Kuarantin Batu Maung	04 - 645 1292 / 1296										
Stesen Kuarantin Padang Besar	04 - 949 0230										
Stesen Kuarantin Rantau Panjang	09 - 795 0424										
<b>Cetak Permit Import</b>	<p>a) Setelah permohonan diluluskan, bayaran dibuat dan pemohon / ejen yang dilantik boleh mencetak permit import.</p> <p>b) Pemohon hendaklah menerima salinan asal permit import daripada ejen yang dilantik.</p> <p>Pemohon hendaklah mengemukakan salinan asal permit import, Sijil Kesihatan Veterinar dan rekod vaksinasi (negara asal) untuk pemeriksaan oleh Pegawai Penguat Kuasa MAQIS sebaik tiba di pintu masuk.</p>										
<b>Isi Borang Tempahan Ruang Kuarantin (Borang MK1)</b>	<p>a) Setelah menerima pengesahan daripada Stesen Kuarantin bahawa terdapat ruang kosong kuarantin pada tarikh pengimportan, pemohon dikehendaki ke Pejabat Stesen Kuarantin untuk mengisi borang tempahan ruang kuarantin (Borang MK1) dan membuat pembayaran penuh mengikut tempoh kuarantin.</p> <p>b) Sebarang perubahan kepada tempahan hendaklah dimaklumkan kepada Stesen Kuarantin dalam tempoh 3 hari selepas tempahan diluluskan.</p>										

	<p>c) Tempoh sah tempahan adalah sehingga 5 hari waktu bekerja selepas tarikh pengimportan dan mana-mana ruang tempahan yang tidak digunakan selepas tempoh tersebut akan dibuka semula untuk tempahan kepada pemohon lain dan pembayaran tempahan yang dilakukan tidak akan dipulangkan semula.</p> <p>d) Pemohon akan diberikan nombor tempahan ruang kuarantin, nombor bilik dan nombor surat rujukan (jika berkenaan) yang merupakan syarat untuk kelulusan permit import anjing atau kucing.</p>
<b>Ketibaan Pengisytiharaan Pengimportan Di Pintu Masuk MAQIS</b>	Pemilik haiwan dikehendaki mengisyiharkan pengimportan haiwan tersebut sewaktu ketibaan di pintu masuk kepada pihak MAQIS.
<b>Semakan Dokumen Dan Pemeriksaan Fizikal Haiwan</b>	<p>Semakan dokumen dan pemeriksaan fizikal haiwan oleh Pegawai Penguat Kuasa MAQIS. Senarai dokumen seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Surat kelulusan pengimportan anjing baka terhad daripada Ketua Pengarah MAQIS.</li> <li>• Borang K1 (pengakuan barang-barang yang diimport) (jika berkaitan).</li> <li>• <i>Airway bill</i> (kargo udara) / <i>Invois</i> (kargo darat).</li> <li>• <i>Boarding pass</i> dan <i>passport</i> pemunya bagi laluan penumpang persendirian.</li> <li>• Permit import MAQIS.</li> <li>• Sijil Kesihatan Veterinar yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kompeten veterinar dari negara asal. (dokumen asal).</li> <li>• Buku vaksinasi / sijil vaksinasi / <i>pet passport</i> / Vaksin anti <i>Rabies</i> / Core vaccine adalah wajib.</li> <li>• Permit CITES (jika berkaitan).</li> <li>• Borang MK1 (salinan borang prosedur tempahan kemudahan kuarantin).</li> </ul>
<b>Pergerakan Haiwan Ke Stesen Kuarantin</b>	<p>1) Anjing baka terhad dan dokumen import hendaklah dihantar ke Stesen Kuarantin dengan menggunakan kenderaan sendiri atau kenderaan ejen yang dilantik dengan diiringi oleh Pegawai Penguat Kuasa MAQIS. (Jika tiba melalui terminal penumpang KLIA / KLIA 2 selepas jam 1900, proses penghantaran hendaklah dilakukan oleh ejen yang dilantik). Sekiranya haiwan tersebut tiba di terminal selepas jam 1900, pemohon / ejen yang dilantik perlu berurus dengan Pegawai Stesen Kuarantin terlebih dahulu bagi kemasukan haiwan di Stesen Kuarantin.</p>

**Waktu Operasi:**

Stesen	Waktu Operasi
Stesen Kuarantin KLIA	<b>Isnin hingga Ahad</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 0800 - 1900 (Kargo KLIA)</li> <li>• Tiada Had Masa Kemasukan (MTB KLIA)</li> </ul>
Stesen Kuarantin Batu Maung	<b>Isnin hingga Jumaat</b> 0800 - 1700
Stesen Kuarantin Padang Besar	<b>Isnin hingga Jumaat</b> 0800 - 1700
Stesen Kuarantin Rantau Panjang	<b>Isnin hingga Jumaat</b> 0800 - 1700

- 2) Pemunya haiwan bertanggungjawab memastikan haiwan dibawa ke Stesen Kuarantin untuk menjalani prosedur kuarantin seperti yang ditetapkan.
- 3) Pemunya haiwan dikehendaki untuk menandatangani borang akuanji (Borang MK2) semasa penyerahan haiwan kesayangan.
- 4) Sila pastikan semua peralatan yang diperlukan dan makanan serta minuman haiwan kesayangan disediakan dan dibawa bersama ke ruang kuarantin yang telah ditempah.
- 5) Bagi bilik yang dilengkapi penghawa dingin sila pastikan suhu penghawa dingin ditetapkan mengikut keperluan.
- 6) Kenderaan pemunya haiwan / ejen hanya dibenarkan dibawa masuk ke kawasan kuarantin pada hari haiwan masuk ke dalam kuarantin dan hari keluar kuarantin sahaja.

**Pengurusan Haiwan Kesayangan Dalam Tempoh Kuarantin**

Penjagaan haiwan semasa di dalam Stesen Kuarantin :

- a) Memberi makan dan minum
  - Pemunya haiwan dikehendaki menyediakan makanan dan minuman secukupnya kepada haiwan kesayangan setiap hari.
  - Adalah menjadi tanggungjawab pemunya haiwan (pengimport / ejen / pemilik) untuk memastikan haiwan kesayangan diberi makanan dan air secukupnya setiap hari semasa berada di kuarantin.
- b) Membersihkan kandang atau bilik kurungan


	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pemunya haiwan dikehendaki untuk membersihkan kandang atau bilik kurungan haiwan kesayangan setiap hari selama haiwan kesayangan menjalani kuarantin.</li></ul>
<b>Tamat Kuarantin</b>	<p>a) Pemohon perlu membuat bayaran selepas tamat tempoh kuarantin, Borang <b>MK9</b> dan <b>MK10</b> akan dikeluarkan oleh pihak Stesen Kuarantin :</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• <b>MK9</b> (borang bill caj bayaran kuarantin)</li><li>• <b>MK10</b> (sijil kuarantin - pelepasan haiwan daripada kuarantin di Stesen Kuarantin / Premis Kuarantin)</li><li>• Bagi cas pemeriksaan boleh rujuk di Stesen Kuarantin haiwan sewaktu tempahan dilakukan.</li></ul>

## 5. SENARAI SEMAK BAGI PERMOHONAN PENGIMPORTAN ANJING BAKA TERHAD

Bil.	Senarai Dokumen	Tanda (✓)
1.	Surat permohonan membawa masuk anjing baka terhad ke Malaysia kepada Ketua Pengarah MAQIS	
2.	Gambar haiwan yang berwarna bersaiz A4 (pandangan hadapan dan sisi)	
3.	Kad pengenalan diri / <i>passport</i> pemilik haiwan	
4.	Buku vaksinasi / sijil vaksinasi / <i>pet passport</i> / vaksin anti rabies / <i>core vaccine</i> (berwarna) adalah wajib	
5.	Salinan bil utiliti (air / elektrik)	
6.	Salinan surat perjanjian sewa premis yang telah disahkan oleh Suruhanjaya Sumpah (jika bukan pemilik premis)	
7.	<p>Gambar sangkar <i>canine</i> haiwan mengikut spesifikasi Jabatan</p> <p>Sila rujuk spesifikasi:-</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 10px;"> <p><b>*Kelulusan lantai minima</b> mengikut ketinggian anjing dewasa (cm<sup>2</sup>)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kurang dari 40 cm (15 000 cm<sup>2</sup>)</li> <li>- 40-70 cm (24 000 cm<sup>2</sup>)</li> <li>- Lebih 70 cm (35 000 cm<sup>2</sup>)</li> </ul> <p><b>*Lebar minima (cm)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- 90 cm</li> </ul> <p><b>*Ketinggian minima (cm)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- 180 cm</li> </ul> </div>	
8.	Gambar papan tanda anjing yang jelas dan mudah dilihat	
9.	Gambar sistem perparitan/ longkang	
10.	Gambar pagar perimeter	
11.	<p>Peralatan pengendalian anjing</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-Tali leher (<i>leash</i>)</li> <li>-Penutup mulut (<i>muzzle</i>)</li> <li>-Bekas minuman</li> <li>-Bekas makanan</li> </ul>	
12.	Premis rumah bertanah ( <i>landed house</i> )	

# GARIS PANDUAN BAGI PENGIMPORTAN ANJING BAKA TERHAD

## 6. CONTOH DOKUMEN

BIL.	KETERANGAN	CONTOH DOKUMEN
1.	Pedigree anjing baka terhad	
2.	Pet health record (mengandungi maklumat haiwan)	
3.	Vaksin anti rabies yang masih aktif	

4.	Gambar haiwan berwarna bersaiz A4	
5.	<p>Sangkar haiwan</p> <p><b>*Kelulusan lantai minima</b> mengikut ketinggian anjing dewasa (cm<sup>2</sup>)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kurang dari 40 cm (15 000 cm<sup>2</sup>)</li> <li>- 40-70 cm (24 000 cm<sup>2</sup>)</li> <li>- Lebih 70 cm (35 000 cm<sup>2</sup>)</li> </ul> <p><b>*Lebar minima (cm)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- 90 cm</li> </ul> <p><b>*Ketinggian minima (cm)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- 180 cm</li> </ul>	
6.	Gambar papan tanda anjing	

